
7. BAYARAN PEMBEKALAN PERABOT DAN KELENGKAPAN RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA PARCEL 2C TAMAN LTAT

**Lembaga Tabung Angkatan Tentera
Kementerian Pertahanan**

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah menandatangani perjanjian jual beli dengan Kementerian Pertahanan (MINDEF) pada 21 Oktober 2021 untuk penjualan bangunan Parcel 2C Taman LTAT di Bukit Jalil bernilai RM560 juta. Parcel 2C ini yang siap dibina pada bulan November 2021 mempunyai 2,000 unit kediaman yang terdiri daripada empat blok pangsa puri 38 tingkat. LTAT perlu melengkapkan Parcel 2C dengan perabot dan kelengkapan di setiap unit kediaman serta kemudahan guna sama untuk dijadikan sebagai Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) sebelum diserahkan kepada MINDEF.

1.2. LTAT telah melantik Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) sebagai kontraktor bagi Pembekalan Perabot dan Kelengkapan RKAT di Parcel 2C Taman LTAT. PPHM merupakan perbadanan yang dimiliki oleh LTAT yang ditubuhkan di bawah Perintah Lembaga Tabung Angkatan Tentera 1984. Pelantikan PPHM sebagai kontraktor telah dibuat secara rundingan terus dengan kos keseluruhan perolehan berjumlah RM52 juta. Pelantikan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LTAT pada 25 Mac 2021 dengan justifikasi perolehan darurat. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada PPHM pada 25 Mei 2021 untuk membekalkan perabot dan kelengkapan RKAT antaranya kabinet dapur, peti sejuk, meja makan, kabinet televisyen, set sofa, langsir dan lain-lain. Kontrak ditandatangani pada 4 Jun 2021 dan berkuat kuasa mulai 25 Mei hingga 1 Oktober 2021.

1.3. Sehingga 4 Ogos 2022, sejumlah RM49.68 juta telah dibayar kepada PPHM bagi perolehan tersebut, manakala wang tahanan berjumlah RM2.60 juta masih dipegang oleh LTAT. Ringkasan kronologi bagi Pembekalan Perabot dan Kelengkapan RKAT di Parcel 2C Taman LTAT adalah seperti dalam **Jadual 7.1**.

JADUAL 7.1
KRONOLOGI PEMBEKALAN PERABOT DAN KELENGKAPAN
RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA PARCEL 2C TAMAN LTAT

TARIKH	PERKARA
18.03.2021	MINDEF memaklumkan kepada LTAT untuk memuktamadkan harga rumah Parcel 2C Taman LTAT dan perumahan ini hendaklah dilengkappan dengan keperluan perabot dan kelengkapan.
05.04.2021	LTAT menawarkan kediaman Parcel 2C Taman LTAT berserta bekalan perabot dan kelengkapan dengan harga RM280,000 seunit atau RM560 juta bagi keseluruhan 2,000 unit kepada MINDEF.
04.05.2021	MINDEF mengambil maklum tawaran yang dikemukakan dan projek ini secara amnya boleh dilaksanakan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
21.05.2021	PPHM memohon kepada LTAT untuk melantik PPHM sebagai kontraktor reka dan bina bagi menyiapkan bekalan keperluan perabot dan kelengkapan.
25.05.2021	LTAT mengeluarkan SST dengan melantik PPHM sebagai kontraktor secara rundingan terus bagi Pembekalan Perabot dan Kelengkapan di Parcel 2C Taman LTAT berjumlah RM52 juta.
01.06.2021	Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan sektor pengilangan yang tidak dibenarkan untuk beroperasi sehingga bulan September 2021.
04.06.2021	<ul style="list-style-type: none"> • Kontrak ditandatangani antara LTAT dan PPHM namun dokumen kontrak tidak disetemkan. • Kontrak berkuat kuasa mulai 25 Mei 2021 hingga 1 Oktober 2021.
22.07.2021	Mesyuarat Rundingan Harga di antara MINDEF dan LTAT telah diadakan bagi membincangkan permohonan pemasangan cermin muka yang tidak dimasukkan dalam skop asal.
29.07.2021	LTAT menyatakan persetujuan membekalkan dua cermin muka bagi setiap unit rumah.
01.10.2021	Tempoh kuat kuasa kontrak pembekalan perabot dan kelengkapan antara LTAT dan PPHM tamat.
21.10.2021	LTAT menandatangani perjanjian jual beli dengan MINDEF bagi 2,000 unit rumah mampu milik di Parcel 2C Taman LTAT untuk dijadikan Rumah Keluarga Angkatan Tentera dengan harga RM560 juta.
03.11.2021	Pelancaran RKAT, Parcel 2C Taman LTAT oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
18.11.2021	RKAT Parcel 2C Taman LTAT mula diduduki oleh anggota tentera.
20.11.2021	Sebanyak 4,000 unit cermin muka telah dibekalkan melalui Nota Penghantaran No.909.
23.11.2021	<ul style="list-style-type: none"> • Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM280,000 bagi skop tambahan bekalan dan pemasangan 4,000 unit cermin muka dikeluarkan. • APK diluluskan oleh Ketua Eksekutif LTAT.
14.03.2022	Penyerahan Parcel 2C daripada LTAT kepada MINDEF.

Sumber: Minit Mesyuarat, SST, Kontrak, Baucar Bayaran, APK, Nota Penghantaran dan Sijil Penyerahan Projek Pembinaan

1.4. Jabatan Hartanah LTAT bertanggungjawab untuk mengurus dan memantau kemajuan pembekalan termasuk pemasangan perabot serta kelengkapan oleh PPHM bagi unit kediaman dan ruang serba guna Parcel 2C.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada bayaran Pembekalan Perabot dan Kelengkapan RKAT di Parcel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi kontrak serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di pejabat LTAT meliputi pematuhan terhadap bayaran Pembekalan Perabot dan Kelengkapan RKAT di Parcel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil.

3.2. Pengauditan meliputi keseluruhan lima baucar bayaran interim tahun 2021 dan 2022 berjumlah RM49.68 juta.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis data, rekod, klausula kontrak dan dokumen berkaitan perolehan serta bayaran pembekalan perabot dan kelengkapan. Selain itu, temu bual dengan pegawai LTAT serta pemeriksaan fizikal turut diadakan di RKAT Parcel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Ogos hingga November 2022. Maklum balas daripada LTAT diterima pada 10 Januari 2023 dan Mesyuarat Penutup diadakan pada 30 Januari 2023. Penjelasan lanjut penemuan adalah seperti di perenggan 4.1.

4.1. Kelulusan Kerja Tambahan Berjumlah RM280,000 Selepas Tamat Tempoh Kontrak

4.1.1. Perenggan 3~1862 Peraturan Kewangan LTAT Bab C (Pindaan 2016) menjelaskan prosedur perubahan kontrak kerja yang antaranya menetapkan:

- a. sebarang Arahan Perubahan Kerja (APK) hendaklah diluluskan oleh Ketua Eksekutif sebelum kerja perubahan dilaksanakan, seterusnya memohon kelulusan Lembaga; dan
- b. tempoh kontrak masih berjalan semasa APK dikeluarkan, kecuali dibenarkan di bawah syarat-syarat kontrak.

4.1.2. Perenggan 3~1863 Peraturan Kewangan LTAT Bab C (Pindaan 2016) pula menyatakan kerja tambahan hendaklah seboleh-bolehnya dilaksanakan secara tender atau sebut harga berasingan mengikut kehendak peraturan yang berkenaan dengannya. Perubahan kerja hanyalah dibenarkan sekiranya pelaksanaannya secara tender atau sebut harga berasingan akan mengganggu atau menjelaskan kontrak yang sedang berjalan.

4.1.3. Semakan Audit mendapati APK berjumlah RM280,000 telah diluluskan pada 23 November 2021, iaitu **selepas tamat tempoh kontrak** pada 1 Oktober 2021. APK ini melibatkan skop tambahan pembekalan dan kerja pemasangan dua unit cermin muka bagi 2,000 unit kediaman yang tidak dinyatakan di dalam kontrak asal.

4.1.4. Semakan lanjut mendapati skop kerja tambahan ini **tidak dilaksanakan secara sebut harga berasingan** sebaliknya dibuat melalui APK walaupun kontrak telah tamat. Pihak Audit turut mendapati kerja tersebut telah dilaksanakan

pada 20 November 2021, iaitu **sebelum kelulusan kerja tambahan diberikan**. Butiran APK adalah seperti dalam **Jadual 7.2**.

JADUAL 7.2
KELULUSAN KERJA TAMBAHAN DI LUAR TEMPOH KONTRAK

PERKARA	TEMPOH KONTRAK	TARIKH PEMBEKALAN DIBUAT	TARIKH KELULUSAN APK	TARIKH PEMBAYARAN APK	JUMLAH (RM)
Pembekalan dan pemasangan 2 unit cermin muka bagi setiap 2,000 unit rumah	25.05.2021 - 01.10.2021	20.11.2021	23.11.2021	04.08.2022	280,000

Sumber: Kontrak, APK, Nota Penghantaran dan Baucar Bayaran

4.1.5. Perkara ini berlaku disebabkan LTAT lebih mengutamakan keperluan pembekalan perabot bagi kediaman anggota angkatan tentera yang perlu disiapkan dengan segera. Selain itu, Pegawai Penguasa LTAT mengambil masa selama empat bulan untuk memperoleh kelulusan kerja tambahan daripada Ketua Eksekutif LTAT. Walaupun APK tersebut telah dipersetujui dalam Mesyuarat Rundingan Harga bersama MINDEF pada 22 Julai 2021, namun Pegawai Penguasa hanya memperoleh kelulusan Ketua Eksekutif LTAT pada 23 November 2021, iaitu selepas tamat tempoh kuat kuasa kontrak.

Maklum balas LTAT semasa Mesyuarat Penutup pada 30 Januari 2023

Pemasangan cermin muka tersebut dibuat secara APK tanpa melalui perolehan secara kontrak untuk memastikan kerja pembekalan di tapak disiapkan dengan lebih cepat supaya perasmian oleh MINDEF pada 3 November 2021 dapat dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan. Perolehan secara sebut harga akan mengambil masa yang lama selama dua bulan.

Pernyataan Audit | **Bayaran berjumlah RM280,000 merupakan pembayaran tidak teratur kerana kelulusan kerja tambahan dibuat selepas tamat tempoh kontrak.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, LTAT telah berjaya melaksanakan penjualan Parcel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil kepada MINDEF dengan nilai jualan RM560 juta untuk dijadikan sebagai RKAT. Parcel 2C yang dilengkapi dengan perabot dan kelengkapan telah berjaya disiapkan dan mula diduduki oleh anggota angkatan tentera pada 18 November 2021. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam bayaran Pembekalan Perabot dan Kelengkapan RKAT di Parcel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil. Walaupun pelaksanaan projek

dibuat semasa tempoh PKP, namun LTAT perlu lebih teliti bagi memastikan pembekalan dapat diselesaikan sebelum tamat tempoh kontrak.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kewangan, LTAT disyorkan melaksanakan penambahbaikan dan mengambil tindakan berikut:

- 6.1. Ketua Eksekutif bertanggungjawab untuk memastikan peraturan kewangan dipatuhi sewajarnya dan pembekalan dilaksanakan sebelum tamat tempoh kontrak; dan
- 6.2. pemantauan oleh Pegawai Penguasa terhadap syarat kontrak hendaklah dibuat dengan rapi bagi memastikan pentadbiran kontrak yang teratur.